noor izwan architect
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4
Metro Town, Jalan Lintas
88300 Kota Kinabalu, Sabah
T: 088 366 720 . F: 088 366 501
E: noorizwanarchitect@gmail.com

# MINIT MESYUARAT

| | |
|---|---|
| Tarikh | 15 Oktober 2020 (Khamis) |
| Masa | 10.00 pagi |
| Tempat | Dalam Talian (Aplikasi Skype) |

Cadangan Pembinaan Projek Balai Bomba Dan Penyelamat Beaufort, Sabah.

**MESYUARAT TEKNIKAL NO.8**

*Kehadiran:*

| Bil | Nama | Disiplin | No. Telefon |
|---|---|---|---|
| **(A)** | **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** (Wilayah 6) | | |
| | | KPKTW6 | |
| **(B)** | **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Beaufort** | | |
| | | JBPM | |
| | | JBPM | |
| **(C)** | **Noor Izwan Architect** (Perunding Arkitek) | | |
| 1 | Ar. Noor Izwan Rahim | NIA | 012 - 321 8905 |
| 2 | En. Mohd Ilham Mohd Yousof | NIA | 013 - 274 3654 |
| 3 | En. Syahril Mohd Ariffin | NIA (COW) | 011 - 2764 0850 |
| **(D)** | **Aktif FA Konsult Sdn Bhd** (Perunding Sivil Dan Struktur) | | |
| 4 | En. Terrance Tang | AFK | 016 - 996 1090 |
| **(E)** | **Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd** (Perunding Mekanikal Dan Elektrikal) | | |
| 5 | Ir. Sherman Bin Daim | JPI | 019 - 860 2398 |
| **(F)** | **PQS Setia Konsult** (Perunding Ukur Bahan) | | |
| 6 | En. Sharman Bin Sharif | PQS | 010 – 951 3639 |
| **(G)** | **REMT Utama Sdn Bhd** (Kontraktor Utama) | | |
| 7 | Pn. Sulastri Binti Pongot | REMT | 016 - 835 3423 |
| 8 | En. Ronny Bin Lesa | REMT | 011 - 3646 7021 |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

<table>
<tr><th>No.</th><th>Perkara</th><th>Tindakan</th><th>Tarikh</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td colspan="3">Ucapan Aluan</td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi diatas kehadiran semua wakil dari setiap pihak.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>1.2</td><td>Minit Mesyuarat Teknikal Perunding No. 7 bertarikh 14 September 2020 disahkan tanpa sebarang pindaan.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td colspan="3">Keperluan Kontrak dan Laporan Kemajuan Kerja</td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>Berdasarkan kontrak, berikut adalah maklumat berkaitan projek:<br><br><table><tr><td>Harga Kontrak</td><td>RM6,305,978.26</td></tr><tr><td>Tempoh Kontrak</td><td>18 Bulan (546 Hari)</td></tr><tr><td>Tarikh Mula Kerja</td><td>18 November 2019</td></tr><tr><td>Tarikh Siap Asal</td><td>10 Mei 2021</td></tr><tr><td>EOT No.1</td><td>114 Hari (660 Hari)</td></tr><tr><td>Tarikh Siap Baharu</td><td>1 September 2021</td></tr></table><br>EOT No. 1 telah mendapat kelulusan secara automatik (tanpa permohonan) disebabkan PKP pandemik covid-19.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.2</td><td>Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan No.8 (10 Oktober 2020), secara ringkasnya pihak Kontraktor memaklumkan bahawa kemajuan kerja keseluruhan adalah seperti berikut:<br><br><table><tr><td colspan="4">Kemajuan Fizikal</td></tr><tr><td>Jadual Unjuran Kerja (%)</td><td>Unjuran Sebenar (%)</td><td>Kemajuan Kerja (%)</td><td>Kemajuan Kerja (Hari)</td></tr><tr><td>44.00</td><td>42.00</td><td>-2.00</td><td>-13</td></tr></table>*Peratusan kemajuan ini berdasarkan EOT 1<br><br>REMT memaklumkan kerja-kerja yang sedang dilaksanakan adalah:<br><br>i) Kerja-kerja Piling dan Jointing (Menara Latihan)<br>ii) Kerja-kerja pembinaan Refuse Chamber<br>iii) Kerja-kerja pembinaan Ground Beam Formwork (Blok Utama)<br><br>REMT memaklumkan kelewatan kerja Prefabricated Vertical Drain (PVD) telah menyumbang kepada kelewatan peratusan kerja fizikal di Tapak.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
</table>

نور ازوان اركيتيك

<table>
<tr><td>2.3</td><td>REMT memaklumkan telah mendapatkan rekod/data dari Jabatan Meteorologi berhubung kadar taburan hujan bagi tempoh 5 tahun dan terkini.</td><td>Makluman</td><td>10/08/2020</td></tr>
<tr><td>2.4</td><td>REMT memaklumkan AFK perlu kemukakan lukisan susunatur kedudukan piling (entrance culvert) yang terlibat untuk pembinaan 3 akses.<br><br>Kerja penandaan perlu dibuat di Tapak sebelum gambar dikemukakan kepada MDB untuk permohonan kelulusan trafik (kelancaran dan keselamatan trafik) bagi penggunaan sebahagian ruang di jalan utama.</td><td>AFK<br>REMT</td><td>25/08/2020</td></tr>
<tr><td>2.5</td><td>REMT mengesahkan isu lokasi dan kedudukan Rumah Sampah telah diselesaikan berdasarkan pengukuran di Tapak dan pembinaan sedang dilaksanakan.</td><td>Makluman</td><td>25/08/2020</td></tr>
<tr><td>2.6</td><td>Berdasarkan lukisan survey yang diterima daripada REMT, NIA memaklumkan telah memuktamadkan Pelan Tapak yang turut melibatkan perincian Akses baharu berserta kedudukan parkir dan Rumah Sampah. Pelan ini telah diserah kepada semua Perunding untuk tindakan lanjut.</td><td>Makluman</td><td>25/08/2020</td></tr>
<tr><td>3.0</td><td colspan="3">Arkitektural</td></tr>
<tr><td>3.1</td><td>NIA memaklumkan sehingga kini bahan yang belum mendapat kelulusan USB adalah:<br><br><table><tr><th>Skop Kerja</th><th>Bahan</th></tr><tr><td>Roofing</td><td>UPVC RWDP</td></tr><tr><td rowspan="2">Door</td><td>Fire Rated Door Panel</td></tr><tr><td>Roller Shutter</td></tr><tr><td>Window</td><td>Tinted Glass</td></tr></table><br>REMT diminta untuk mengemukakan sample bahan bagi tinted glass window seperti diminta oleh USB.</td><td>USB<br>REMT</td><td>14/09/2020</td></tr>
<tr><td>3.2</td><td>NIA memaklumkan bahawa perubahan rekabentuk yang diluluskan sehingga kini melibatkan:<br><br>i) Bench kepada Compartment dan perubahan kedudukan Grid 1.<br>- Tiada isu berbangkit.<br><br>ii) Akses baharu ke Kuarters sediada.<br>- Semakan kos perlu dibuat berdasarkan Pelan Tapak baharu yang ditambahbaik daripada Pelan Survey.</td><td>NIA<br>AFK<br>PQS</td><td>03/12/2019</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | iii) Kerja penambakan dan turfing di Kawasan *Pond* sediada.<br>- Tiada isu berbangkit<br><br>iv) Perubahan perincian *Compartment.*<br>- NIA perlu kemukakan Lukisan Perubahan Rekabentuk *Compartment* untuk pengiraan kos oleh PQS.<br><br>v) *Roof Fall* bagi blok Rumah Sampah, Rumah Pam dan Setor Logistik.<br>- Tiada isu berbangkit<br><br>vi) Parkir Berbumbung (5 kepada 6 parkir).<br>- Lulus tanpa penambahan kos. NIA perlu rujuk kepada USB memandangkan terdapat penambahan kos. AFK perlu kemuka justikasi sebagai sokongan perubahan struktur. | | |
| 3.3 | NIA melaporkan rayuan pengecualian Arkitek Lanskap kepada JPBW Unit Lanskap telah ditolak dan pihak UPP KPKT telah mengemukakan rayuan lanjut pada 28 September 2020 kepada Majlis Daerah Beaufort. | UPP | 06/07/2020 |
| 3.4 | NIA melaporkan terdapat beberapa cadangan penambahbaikan rekabentuk yang telah dikemukakan kepada pihak JBPM Putrajaya berdasarkan perbincangan bersama USB KPKT.<br><br>Perunding dan REMT akan dimaklumkan sebaik keputusan dibuat oleh JBPM. | NIA<br>USB<br>JBPM | 10/08/2020 |
| 3.5 | NIA memaklumkan sedang menambahbaik Lukisan Pembinaan setelah sesi semakan Pelan Akitektural dibuat bersama pihak USB KPKT. Lukisan pindaan akan disiapkan dan dikemukakan kepada semua. | NIA | 10/08/2020 |
| 3.6 | NIA mengesahkan telah melakukan semakan rekabentuk keatas percanggahan Lukisan Tender dan Lukisan Pembinaan melibatkan:<br><br>i) Akses baharu ke Kuarters sediada<br>- Kelebaran ruang parkir dan jalan hingga ke *apron* Rumah Sampah.<br>(NIA telah memajukan kepada setiap pihak lukisan pindaan berdasarkan Pelan *Survey* daripada REMT)<br><br>ii) Menara Latihan<br>- *RC Fin* dan *internal wall*<br>(Lukisan pada Pelan Tapak telah diubah mengikut Lukisan Perincian) | Makluman | 10/08/2020 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | iii) Rumah Pam<br>- Keluasan *Apron,* kedudukan *drain* dan saiz *ramp*<br>(Lukisan pada Pelan Tapak telah diubah mengikut Lukisan Perincian)<br><br>iv) Parkir Berbumbung<br>- Jumlah parkir dan saiz bumbung<br>(Dimuktamadkan seperti pada Lukisan Pembinaan. NIA telah kemuka perubahan rekabentuk kepada USB)<br><br>v) Bumbung Blok Utama<br>- *Gutter* di grid 6-D dan jumlah RWDP<br>(Dimuktamadkan seperti pada Lukisan Pembinaan. Lukisan Perincian AFK adalah tepat) | | |
| 3.7 | Berhubung isu percanggahan Pelan Topo dan Pelan *Survey*, NIA memaklumkan Pelan Tapak telah dimuktamadkan dan diserah kepada setiap Perunding untuk tindakan. Tiada perubahan pada kedudukan keseluruhan komponen bangunan.<br><br>PQS perlu buat semakan kos yang terlibat bagi jarak panjang 3 akses di Tapak. AFK perlu majukan pindaan pelan Tapak kejuruteraan untuk semakan NIA. | NIA<br>AFK<br>PQS | 14/09/2020 |
| 3.8 | Untuk semakan kos bagi pindaan rekabentuk Tandas (*squatting* kepada *sitting WC*), NIA perlu kemukakan lukisan pindaan dan AFK perlu kemuka lukisan perincian kepada PQS. | NIA<br>AFK | |
| 3.9 | NIA akan membuat semakan berhubung kedudukan A/C *Outdoor Unit* berdasarkan Pelan M&E untuk mengelak sebarang isu berbangkit. | NIA | |
| **4.0** | **Sivil Dan Struktur** | | |
| 4.1 | AFK memaklumkan berhubung status kelulusan Pelan Kejuruteraan yang dikemukakan kepada PBT seperti berikut:<br><br><u>MSMA</u><br>Telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Beaufort (MDB) pada 29 Nov 2019.<br>- Ulasan berkaitan *leveling* daripada JPS, JPS Beaufort akan berbincang bersama JPS HQ berdasarkan info daripada AFK.<br>- Ulasan berkaitan *drainage*, AFK telah kemuka surat permohonan kepada Mahkamah Beaufort pada 30 September 2020 berhubung kebenaran kedudukan *final water discharge outlet.* Surat kebenaran perlu dikemukakan kepada MSMA. | AFK | 03/12/2019 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | ESCP<br>Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019.<br>- Terdapat ulasan daripada JPS, AFK perlu kemukakan Pelan Lokaliti terkini JPBW dan Jabatan Tanah & Ukur dalam bulan ini.<br><br>Sistem Retikulasi<br>Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019.<br>- Belum terima sebarang ulasan daripada JANS.<br><br>Jalanraya<br>Akan dikemukakan kepada JKR Beaufort pada pertengahan September 2020, menunggu KPKT untuk tandatangan Pelan.<br><br>Pembentungan<br>Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019.<br>- AFK telah kemuka semula Pelan pada 14 September 2020 kepada JKR Beaufort dan telahpun diluluskan pada 17 September 2020. | | |
| 4.2 | AFK memaklumkan justifikasi perubahan bagi akses baharu ke Kuarters sediada telah dikemukakan kepada PQS.<br><br>Anggaran kos 1 Lampu Jalan yang diserah oleh REMT pada 5 Oktober 2020 kini dalam semakan JPI sebelum diserahkan bersama kos akses baharu kepada PQS. | JPI | 06/07/2020 |
| 4.3 | AFK melaporkan telah mengemukakan pindaan Lukisan Struktur kepada UKAS sebelum ini dan terdapat maklumbalas daripada UKAS untuk penambahbaikan. AFK telah mengemukakan semula kepada UKAS dan masih menunggu kelulusan. | AFK | 10/08/2020 |
| 4.4 | AFK mengesahkan telah menerima Lukisan *As-Built* bagi kerja *stump* di Blok Utama. Terdapat penambahbaikan yang perlu dibuat oleh REMT setelah semakan dibuat. | REMT | 25/08/2020 |
| 4.5 | REMT memaklumkan Lukisan *As-Built* bagi kerja *piling* di Menara Latihan akan dibuat sebaik tambahan 2 *piling point* diselesaikan. AFK sedang menyiapkan lukisan perincian. | AFK<br>REMT | |
| 4.6 | NIA meminta AFK menyenaraikan Lukisan *As-Built* yang perlu disediakan oleh REMT bagi memudahkan pemantauan perlaksanaan dan penyiapan kerja. | AFK | 25/08/2020 |
| 4.7 | AFK akan majukan melalui emel pada hari ini pindaan Pelan Kejuruteraan berdasarkan Pelan *Survey* yang di terima. | AFK | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **5.0** | **Mekanikal Dan Elektrikal** | | |
| 5.1 | REMT mengesahkan telah melantik M&E *Supervisor*. REMT telah meminda Carta Organisasi dengan maklumat terkini, dicetak dalam saiz A1 dan akan dilekatkan dalam Bilik Mesyuarat Tapak bersama Program kerja yang telah diluluskan W6. | Makluman | 03/12/2019 |
| 5.2 | REMT memaklumkan sedang menyediakan *shop drawings* dan akan mengemukakan semua cadangan bahan M&E untuk ulasan JPI dan kelulusan Unit M&E (KPKT). Senarai kelulusan bahan perlu disertakan.<br><br>JPI telah menyenaraikan *shop drawing* yang diperlukan dalam Laporan Perunding. | REMT | 03/12/2019 |
| 5.3 | JPI mengesahkan telah menerima salinan profil syarikat daripada REMT bagi kerja M&E termasuk skop *Plumbing*, *Fire Fighting* dan *PA System.* REMT perlu emel *softcopy* profil kepada JPI. | REMT | 03/03/2020 |
| 5.4 | JPI memaklumkan bahawa pihak SESB Beaufort telah mengeluarkan surat tiada halangan ke atas perubahan pencawang SESB namun JPI perlu mengemukakan semula lukisan rekabentuk pencawang pada 20 Oktober 2020 melalui emel. | JPI | 03/12/2019 |
| 5.5 | JPI memaklumkan bahawa justifikasi perubahan lokasi dan saiz SESB akan diserahkan kepada PQS setelah pengesahan muktamad diperolehi daripada SESB.<br><br>JPI akan kemuka lukisan rekabentuk pencawang pada 20 Oktober 2020 terlebih dahulu. | JPI | 03/03/2020 |
| 5.6 | JPI memaklumkan permohonan bekalan elektrik (PD9 *Form*) yang dikemukakan pada 14 November 2019 masih belum diluluskan. JPI akan membuat semakan lanjut. | JPI | 03/12/2019 |
| 5.7 | JPI melaporkan telah membuat semakan berhubung rasionalisasi BQ M&E daripada REMT.<br><br>REMT perlu membuat senarai perincian Sistem AV dan kemuka semula kepada JPI. | REMT | 03/03/2020 |
| 5.8 | JPI memaklumkan SESB HQ akan hadir ke Tapak pada 19 Oktober 2020 bagi menentukan penambahan ketinggian tiang serta kabel elektrik di tiga akses tapak. | JPI | 06/07/2020 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5.9 | REMT perlu berbincang lanjut bersama pihak SESB HQ pada 19 Oktober 2020 berhubung kedudukan kabel elektrik di bahagian *decorative fencing* yang akan mengganggu kerja *piling*. | REMT | |
| 5.10 | JPI memaklumkan bahawa COW M&E yang dijangka memulakan tugas di Tapak pada 15 Oktober 2020 ditangguh kepada 1 November 2020. | Makluman | 10/08/2020 |
| **6.0** | **Ukur Bahan** | | |
| 6.1 | Berhubung isu V.O Akses baharu, JPI memaklumkan kos dan lokasi bagi 1 tiang lampu dan pemindahan *cable* sedang disemak sebelum diserahkan kepada PQS.<br><br>AFK perlu kemuka kepada PQS lukisan terkini yang menunjukkan parkir kereta berdasarkan Pelan Tapak terkini daripada NIA. | JPI<br>AFK | 10/08/2020 |
| 6.2 | PQS memaklumkan pihak AFK perlu kemuka surat pengesahan Lukisan Kontrak kepada Unit Ukur Bahan. | AFK | 06/07/2020 |
| 6.3 | Berhubung perubahan rekabentuk struktur di Blok Utama, Menara Latihan, Rumah Pam & Parkir Berbumbung, kiraan tambahan kos telah selesai disemak dan PQS akan kemuka permohonan kepada KPKT selepas tempoh PKPB berakhir. | PQS | |
| 6.4 | Perunding perlu mengemukakan kepada KPKT permohonan perubahan kerja melibatkan perubahan lokasi dan saiz pencawang SESB sebaik surat pengesahan daripada SESB Beaufort diterima. | Perunding | 06/07/2020 |
| 6.5 | NIA mencadangkan agar pengesahan Perunding ke atas *progress claim* yang disediakan PQS dibuat secara *scan & email* bagi melancarkan dokumentasi sepanjang tempoh PKPB. PQS perlu merujuk kepada KPKT samada dibenarkan atau tidak. | PQS | |
| **7.0** | **Hal-hal Lain** | | |
| 7.1 | Perunding sedang membuat semakan berhubung Lukisan Pembinaan masing-masing dan setiap percanggahan mahupun isu berbangkit telah dibincangkan.<br><br>Pindaan rekabentuk dan perubahan kos yang timbul akan dikemukakan secara bersama mengikut komponen Blok. | Makluman | 10/08/2020 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7.2 | REMT mengesahkan telah menerima salinan Lukisan Pembinaan daripada Perunding dalam bentuk *softcopy*. | Makluman | 25/08/2020 |
| 7.3 | NIA akan merujuk kepada USB KPKT berhubung penyediaan Lukisan *Built-in Furniture* bagi mengelak sebarang permasalahan berkaitan susunatur suis dan *power point* seperti dibangkitkan oleh JPI. | NIA | |
| 7.4 | JPI meminta REMT untuk segera kemukakan cadangan bahan bagi *underground piping*. | REMT | |
| 7.5 | AFK mengarahkan REMT untuk kemuka Pelan *Survey* yang disahkan dan ditandatangan oleh *Surveyor* sebagai rekod setiap Perunding. | REMT | |
| 7.6 | COW Ark mencadangkan agar SSS perlu turut serta dalam Mesyuarat Teknikal akan datang memandangkan situasi PKPB ketika ini yang memerlukan lebih pemantauan keselamatan. | Makluman | |
| **8.0** | **Penutup** | | |
| 8.1 | Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.00 tengahari dan Mesyuarat Teknikal No. 9 akan dimaklumkan kemudian. | Makluman | |

Disediakan oleh:
noor izwan **architect**

Ar. NOOR IZWAN RAHIM
*Principal*
**15 Oktober 2020**